Berita Harian

HARI : RABU
TARIKH : 5/2/2020
M/SURAT : 4

Jangan buat pembelian panik topeng muka

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan tidak melakukan pembelian panik dengan mendapatkan topeng muka dalam jumlah besar kerana ia akan menimbulkan keresahan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan akan memastikan bekalan topeng muka mencukupi berikutan permintaan yang sangat tinggi susulan penularan coronavirus (2019-nCoV) pada masa ini.

"Itu (pembelian panik) akan menimbulkan keresahan tinggi. Sementara kerajaan berusaha supaya pihak bertanggungjawab memastikan bekalan mencukupi, saya juga memohon kerjasama rakyat, tidak melakukan pembelian panik, pembelian dalam jumlah yang besar secara tiba-tiba," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Mesyuarat 20 Negara Serantau Pejabat Harta Intelek Berkaitan Sistem Madrid, di sini semalam.